

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Insurans TravelRight Dalam Negara.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut membacanya.

Date: 01/01/2026

1. Apakah Insurans TravelRight Dalam Negara?

Insurans TravelRight Dalam Negara dirangka untuk memberi perlindungan bagi keperluan individu atau keluarga semasa bercuti di destinasi tempatan di Malaysia.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium sebanyak RM25.00 (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) untuk setiap perjalanan bagi setiap Orang yang Diinsuranskan bagi tempoh 6-10 hari, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Polisi/sijil in meliputi:	Polisi/sijil in tidak termasuk:
- Kematian Akibat Kemalangan - RM150,000 - Hilang Upaya Kekal - RM150,000 - Perbelanjaan Perubatan - RM15,000 - Bagasi dan Barang-barang Peribadi - RM100 - Kelewatan Perjalanan - maksimum RM500 - Keganasan dan Rampasan - dilindungi - Penerbangan Sewa Khas (Yang Dijadualkan) - dilindungi	- Peperangan atau risiko yang seumpamanya - Peraturan atau Akta Kerajaan atau Pihak Berkuasa mana-mana Negara - Bunuh diri, kecederaan yang disengajakan - Penyalahgunaan dadah - Menerima rawatan pesakit dalam atau berada di dalam senarai menunggu untuk rawatan pesakit dalam - Menerima prognosis terminal daripada pengamal perubatan - Perjalanan yang bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan - AIDS, penyakit berkaitan AIDS (ARC) - Masalah Kesihatan yang sedia ada - Hamil, melahirkan anak - Penyakit atau gangguan semulajadi psikologi - Kerja secara manual berhubungan dengan mana-mana perdagangan, pekerjaan atau profesion - Mengembara dalam sebuah pesawat udara membawa penumpang yang tidak berlesen penuh selain sebagai penumpang yang membayar tambang. - Pengembaraan berbahaya
Tempoh perlindungan adalah untuk setiap perjalanan. Setiap perjalanan terhad kepada maksimum 31 hari berturut-turut.	
Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.	
Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans TravelRight Dalam Negara anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744) atau
603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msig.com.my/>



Emel kami di:
myMSIG@my.msig-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Insurans TravelRight Dalam Negara, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard	: RM25.00 (Tempoh: 6-10 hari)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
[^] Duti Setem	: RM10.00
Komisen (25%)	: RM6.25 (Termasuk dalam premium)
Cukai Perkhidmatan (8%)	: RM2.00
Jumlah premium yang perlu dibayar	: RM30.25

[^] Pembayaran duti setem untuk premium tahunan tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Walau bagaimanapun, duti setem RM 10 perlu dibayar mulai 1/1/2029.

4. Syarat dan Terma Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/cadangan.
- Kelayakan - Anda mestilah seorang Warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas atau bekerja secara sah atau menetap di Malaysia, berumur antara 18 hingga 80 tahun pada tarikh permohonan.
- Perjalanan dalam Malaysia adalah untuk tujuan rekreasi dan tidak termasuk perjalanan harian atau ulang-alik secara tetap.
- Sebarang lanjutan perlindungan tidak dibenarkan semasa perjalanan atau setelah anda berlepas ke destinasi anda.
- Tunai sebelum perlindungan - Perlindungan bermula hanya selepas anda membayar premium.
- Notis Tuntutan - Anda mesti memaklumkan dan memberikan butiran tuntutan penuh kepada kami dalam tempoh
 - a) 30 hari dari tarikh kejadian untuk tuntutan kecederaan.
 - b) 14 hari dari tarikh kejadian untuk tuntutan bukan kecederaan

Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi/sijil anda pada bila-bila masa dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis. Kami akan membayar balik premium anda sekiranya anda belum memulakan perjalanan. Jika anda telah membuat tuntutan, tiada bayaran balik akan diberikan.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.